

PUNB Lulus Pinjaman RM128 Juta Sehingga 31 Mei

Bernama

Jun 13, 2014

MELAKA, 13 Jun (Bernama) -- Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB) meluluskan pinjaman berjumlah RM128 juta kepada 350 usahawan dalam lima skim pembiayaannya antara Januari dan 31 Mei lepas.

Pengerusinya Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata daripada jumlah itu, seramai 21 usahawan diberi pinjaman menerusi skim Prosper Pemborong berjumlah RM41.4 juta; 143 usahawan Prosper Runcit (RM33.8 juta); 96 usahawan Prosper Teras (RM23.7 juta); lapan usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (RM23.5 juta) dan 82 Prosper Usahawan Muda (RM5.6 juta).

Beliau berkata jumlah pembiayaan itu merupakan 61 peratus daripada sasaran peruntukan pembiayaan berjumlah RM208.6 juta melibatkan 617 usahawan menjelang akhir tahun ini.

"Baki pembiayaan berjumlah RM80.5 juta, dijangka dapat diagihkan kepada 267 usahawan menjelang akhir tahun ini," katanya kepada pemberita selepas majlis pertemuan PUNB dengan usahawan negeri Melaka di sini hari ini.

Beliau berkata Selangor mencatatkan pembiayaan tertinggi, melibatkan peruntukan berjumlah RM59.4 juta, diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (RM11.6 juta) dan Kedah (RM9.9 juta).

Katanya PUNB meluluskan pinjaman berjumlah RM1.8 bilion kepada kira-kira 6,000 usahawan di seluruh negara sejak 1992.

Sementara itu, Mohd Ali berkata PUNB menyasarkan untuk melahirkan lebih ramai usahawan dalam skim Prosper Pemborong dalam sektor automotif.

Beliau berkata bidang tersebut mempunyai pasaran yang luas berdasarkan terdapat kira-kira 35,000 bengkel di seluruh negara, namun hanya 10 peratus daripadanya milik Bumiputera.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1046013>